

Datuk dan Nenek: Menjalin hubungan

Mengapa hubungan keluarga itu penting untuk datuk dan nenek

Ketibaan seorang cucu merapatkan lagi hubungan anda dengan ibu bapa kepada cucu anda. Anda mungkin berasa bangga dan gembira sambil apabila menyaksikan mereka menjadi ibu bapa yang baik dan penyayang.

Hubungan anda dengan cucu anda juga boleh membawa kebaikan kepada anda berdua dan boleh mempunyai pengaruh yang sangat positif ke atas pembangunannya. Kanak-kanak yang mempunyai hubungan baik dengan datuk dan nenek mereka lebih cenderung untuk mempunyai daya ketahanan yang lebih baik dan boleh bangkit dengan lebih baik daripada cabaran hidup.

Walau bagaimanapun, kadangkala menjalin hubungan yang positif ini mengambil masa, terutamanya jika terdapat jurang atau ketegangan dalam hubungan anda dengan ibu bapa cucu anda.

Tidak kira sebaik mana hubungan anda dengan ibu bapa cucu anda, anda boleh menjalin hubungan tersebut dengan saling menghormati, memberi sokongan apabila diperlukan dan menghabiskan masa yang berkualiti bersama-sama. Ada kemungkinan ini akan memberi manfaat kepada cucu anda, ibu bapanya dan diri anda.

Petua menjalin hubungan dengan cucu anda

Cara terbaik untuk menjalin hubungan dengan cucu anda adalah untuk menikmati masa bersama-sama. Berikut adalah beberapa idea:

- Tunjukkan kemesraan dan kasih sayang kepada cucu anda. Anda boleh berbuat demikian dengan bercakap dengan lembut, senyum dan selalu memeluk mereka.
- Selami perasaan cucu anda dan perkara yang diminatinya. Sebagai contoh, jika dia kelihatan gembira berada di taman, senyum dan tunjukkan anda juga gembira.
- Kongsi minat – minatnya dan minat anda. Sebagai contoh, jika cucu anda yang sedang bersekolah gemar memasak, anda boleh berkongsi resipi keluarga dengannya dan memasak bersama-sama.
- Kongsi cerita dan memori keluarga – sebagai contoh, beritahu cucu anda tentang keadaan hidup semasa anda berada pada usianya atau kongsi cerita tentang ibu bapanya semasa mereka masih kecil. Berkongsi cerita merapatkan lagi hubungan anda sebagai sebuah keluarga, tetapi jangan berkongsi rahsia atau cerita keluarga yang akan memalukan seseorang.
- Bersetuju tentang nilai teras keluarga yang anak anda dan pasangannya ingin ajarkan dan kongsi nilai ini dengan cucu anda – sebagai contoh, berbudi bahasa dan bertimbang rasa, kepentingan keluarga dan menghormati pandangan orang lain.
- Letakkan barang yang berharga atau mudah pecah jauh dari pandangan atau capaian. Ini dapat menenangkan anda dan menikmati kehadiran cucu anda.

- Jika anda mempunyai beberapa orang cucu, layani mereka semua sebagai individu dan layani mereka secara adil. Ini membantu setiap cucu berasa istimewa kepada anda.

Pastikan pasangan anda turut berpeluang menjalin hubungan dengan cucu anda – terutamanya jika anda jenis datuk atau nenek yang suka melibatkan diri. Sebagai contoh, anda boleh mengajar pasangan anda peraturan permainan yang disukai oleh cucu anda atau menggalakkan pasangan anda untuk membawa cucu anda bersiar-siar atau berjumpa rakan-rakan.

Apabila cucu anda semakin dewasa dan minatnya bertambah, dia mungkin kelihatan kurang teruja untuk menghabiskan masa dengan anda. Berikut ada beberapa idea bagi mengekalkan hubungan anda:

- Bertanya kepada anak anda cara untuk menggunakan telefon pintar atau mengikuti media sosial. Berkongsi aktiviti ini juga dapat membantu anda mengekalkan hubungan.
- Jadi pendengar yang baik kepada cucu anda apabila dia menjadi lebih berdikari. Anda mungkin dapat memberikan pandangan yang berbeza sambil dia cuba mengenali dirinya dan memikirkan tentang cita-citanya.
- Minta bantuan daripada ibu bapa cucu anda. Sebagai contoh, mereka boleh memberitahu anda tentang konsert sekolah atau acara sukan yang bakal diadakan atau memaklumkan kepada anda tentang minat cucu anda.

Petua bagi menjalin hubungan anda dengan ibu bapa cucu anda

Berikut ada beberapa idea bagi memupuk hubungan anda dengan ibu bapa cucu anda:

- Beritahu ibu bapa cucu anda apabila anda berpendapat mereka telah melakukan tugas yang baik sebagai ibu bapa – kebanyakan orang suka dipuji!
- Luangkan masa bersama untuk melakukan perkara yang anda semua nikmati, seperti berjalan-jalan di taman atau menonton filem.
- Berkongsi makanan dengan keluarga cucu anda. Ini amat mudah jika anda tinggal berdekatan. Ini juga cara yang baik untuk bermesra sekiranya cucu anda tinggal bersama anda pada minggu tersebut.
- Berikan mereka sokongan apabila diperlukan. Anda boleh menawarkan diri untuk memasak lauk atau melakukan tugas atau memberi galakan kepada mereka sebagai ibu bapa. Kadangkala nasihat itu membantu tetapi lebih baik untuk bertanya dahulu sebelum menawarkan nasihat atau pendapat anda.

Berikan ibu bapa kepada cucu anda masa dan ruang untuk memikirkan tentang ibu bapa yang macam mana yang diingini oleh mereka. Berikut ada beberapa idea bagi membantu setiap orang bekerjasama:

- Cuba bersetuju tentang perkara penting kepada anda semua sebagai sebuah keluarga – sebagai contoh, anda sentiasa saling menghormati satu sama lain atau anda sentiasa menyambut peristiwa penting bersama-sama. Anda kemudiannya boleh merujuk kepada nilai-nilai ini apabila masing-masing semakin sibuk – sebagai contoh, ‘Mari kita cuba

berkumpul selepas kelas Zhi Wei pada hari Sabtu. Ingat – itu hari yang istimewa untuk keluarga kita’.

- Hormati nilai ibu bapa cucu anda, terutamanya jika anak anda telah berkahwin dengan seseorang daripada latar belakang atau budaya yang berbeza. Ini bukan sahaja baik untuk hubungan anda dengan ibu bapa cucu anda, tetapi juga membantu cucu anda membangunkan perasaan bangga dan kekitaan dalam masyarakatnya, yang baik untuk pembangunannya.
- Elak daripada mencampuri urusan semasa ibu bapanya sedang mendisiplinkan cucu anda. Kanak-kanak akan meraih manfaat daripada mesej yang konsisten tentang cara untuk berkelakuan. Jika anda cuba mencegah ibu bapa cucu anda daripada menggunakan strategi kelakuan yang dipilih oleh mereka, cucu anda mungkin akan berpendapat bahawa kelakuan mereka itu betul. Jika anda berbeza pendapat, anda boleh membincangkan perkara itu dengan ibu bapa cucu anda semasa ketiadaan cucu anda.

Terima hakikat bahawa ibu bapa cucu anda mungkin melakukan sesuatu dengan cara yang berbeza daripada cara yang dilakukan semasa anak anda masih kecil. Pendekatan mendidik anak mereka akan berdasarkan situasi keluarga mereka dan ragam serta keperluan anak mereka. Mungkin pendekatan mereka berbeza daripada pendekatan anda sendiri.